



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

Kertas 2

2 jam 30 minit

1103/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 Baca dialog di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan (empat kata kerja tak transitif.) Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja tak transitif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- Aiman : Daripada pengamatan saya, seni batik Malaysia tetap menjadi lambang identiti bangsa yang kekal popular hingga hari ini.
- Farah : Betul. Seni batik ini berteraskan kreativiti pengusaha tempatan yang menggunakan canting dan lilin untuk menghasilkan corak halus pada kain.
- Aiman : Ya, itulah sebabnya motif flora dan fauna sering dipilih kerana mencerminkan hubungan manusia dengan alam.
- Farah : Jadi, generasi muda memang perlu berbuat sesuatu untuk mengekalkan seni batik supaya tidak hilang ditelan zaman.
- Aiman : Betul, Farah. Tambahan pula, nilai estetika dan kreativiti yang terpancar daripada kain batik menyebabkan pelancong asing turut meminatinya.
- Farah : Kalau begitu, ekonomi kreatif dan pelancongan budaya negara pasti dapat diperkasakan.

[8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan ayat yang bergaris, kenal pasti subjek dan predikat yang lengkap bagi ayat-ayat tersebut.

Subjek : _____
Predikat : _____

Tanpa disedari atau disengajakan, kebanyakan anak lebih rapat dengan ibu. Namun begitu, perlu kita sedari bahawa ayah juga merupakan insan yang begitu bermakna dalam kehidupan kita. Tanpa kehadiran ayah, siapalah diri kita di dunia ini. Anak-anak wajib menghormati ayah dan menghargainya, lebih-lebih lagi kita juga tidak boleh melukakan hati dan perasaannya. Walaupun ada sebilangan orang menganggap peranan ibu lebih utama, ayah turut memainkan peranan yang besar. Mereka mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang berpendidikan. Kedua-duanya memainkan peranan yang besar untuk menentukan kehidupan anak-anak. Fikirkalah, ayah yang bertanggungjawab dan penyayang sanggup berhujaan dan berpanas serta mengerah sepenuh tenaga untuk mencari sesuap nasi demi anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayah, Jasamu Tidak Terungkap dengan Kata-kata...'
oleh Abd. Kadir Mohd. Ayub,
Dewan Masyarakat, Bil. 07/2025



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[6 markah]

- 3 *Rencana di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menuliskan kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin teks rencana tersebut.*

Pengurusan Alam Sekitar demi Kelestarian

Oleh Nur Aina Sofea Rahman

Pengurusan alam sekitar merupakan satu aspek penting untuk memastikan pembangunan negara dapat dijalankan secara seimbang dan berterusan. Dalam konteks negara kita, iaitu Malaysia, usaha memelihara alam sekitar semakin diberi perhatian selaras dengan kenaikan isu pencemaran, perubahan iklim dan kemusnahan sumber semula jadi. Keadaan ini menuntut tindakan yang lebih sistematik agar kesejahteraan hidup masyarakat tidak terjejas di masa hadapan.

Bagi memastikan alam sekitar diurus dengan baik, kerajaan Malaysia telah mengubah Dasar Alam Sekitar Negara sebagai panduan utama dalam pembangunan negara. Dasar ini menekankan tentang kepentingan untuk mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat demi kesejahteraan rakyat. Melalui dasar ini, pertimbangan alam sekitar diambil kira dalam setiap perancangan pembangunan supaya aktiviti ekonomi tidak membawa kesan buruk terhadap eko-sistem semula jadi.

Selain daripada itu, pengurusan alam sekitar turut memberikan tumpuan kepada usaha untuk menangani cabaran perubahan iklim. Peningkatan suhu, kejadian banjir kilat dan cuaca yang tidak menentu semakin kerap berlaku dan memberikan kesan kepada kehidupan manusia. Oleh itu, langkah mengurangkan pencemaran, mengawal penggunaan sumber serta menggalakkan amalan lestari seperti kitar semula dan penjimatan tenaga perlu diperkasakan. Usaha ini penting bagi memastikan sumber alam dapat bermanfaat secara bertanggungjawab dan berterusan.

Dalam masa yang sama, peranan masyarakat tidak boleh dipinggirkan dalam usaha menjaga alam sekitar. Setiap individu perlu menggembeling tenaga dengan mengamalkan gaya hidup mesra alam seperti mengurangkan penggunaan plastik, menjaga kebersihan kawasan awam dan menggunakan sumber secara berhemat. Penggunaan bahan plastik terbiodegradasikan yang mudah dilupuskan juga perlu digalakkan. Pendidikan alam sekitar juga perlu diperkukuhkan agar kesedaran dapat dipupuk sejak usia muda.

Kesimpulannya, pengurusan alam sekitar yang berkesan merupakan asas kepada kelestarian dan kemapanan negara. Kerjasama antara kerajaan dengan masyarakat perlu dibudayakan oleh kita bagi memastikan alam sekitar Malaysia terus terpelihara demi kepentingan generasi kini dan akan datang.

Sumber:
Jabatan Alam Sekitar Malaysia

[10 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu.”

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarliah.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[5 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan **senaraikan** peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang **sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Amir baru menamatkan pengajian dan mula bekerja di sebuah syarikat kecil. Namun begitu, disebabkan oleh dirinya yang masih muda dan belum matang, iaitu cekur jerangau belum habis lagi, dia sering mengambil keputusan yang terburu-buru tanpa berfikir secara rasional. Tanpa menilai risiko, dia meninggalkan jawatan tetap kerana yakin akan tawaran perniagaan rakan baharu sehingga harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan. Lebih malang lagi, tindakannya melanggar etika kerja telah mencalar imej seluruh pasukan. Akibat kesalahan seorang, reputasi syarikat tercemar, sebab nila setitik, rosak susu sebelanga Kesilapan ini menjadi pengajaran berharga sepanjang hidupnya.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat lebih 10 kesalahan yang direkodkan berhubung dengan pelibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020. Perbuatan jenayah dalam kalangan remaja sudah pastinya memberikan implikasi yang besar terhadap negara. Oleh itu, kempen kesedaran terhadap kes jenayah harus didedahkan pada peringkat awal usia bagi mengelakkan remaja daripada terjerumus dalam perbuatan jenayah seperti penyalahgunaan dadah. Ibu bapa perlu memberikan pendidikan agama sejak kecil supaya anak dapat membezakan sama ada sesuatu perkara itu betul ataupun salah. Jangan sekali-kali memberikan kebebasan 100 peratus kepada anak untuk menentukan apa-apa yang hendak dilakukan oleh mereka. Dalam hal ini, ibu bapa juga berperanan penting untuk memantau pergerakan anak mereka. Langkah yang diambil mungkin nampak mudah tetapi impaknya pasti dapat menyelamatkan mereka daripada jenayah yang tidak mengenal usia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jenayah Tidak Mengenal Usia'

www.dewanmasyarakat.jendeladbp, 22 Mac 2022


Bahan 2

Remaja sering kali dikaitkan dengan gejala jenayah yang banyak menimbulkan masalah dalam kehidupan masa ini. Vandalisme, gengsterisme dan buli merupakan jenayah yang acap kali dipaparkan dalam media elektronik dan media cetak. Usaha yang paling utama untuk mengatasi masalah jenayah dalam kalangan remaja di negara ini ialah ibu bapa perlu bijak mendidik anak-anak mereka agar tidak terjerumus dalam jenayah ini. Selain itu, antara inisiatif yang dapat kita ambil untuk mencegah jenayah dalam kalangan remaja ialah pihak berkuasa perlu mewujudkan konsep bandar dan pekan selamat. Konsep bandar dan pekan selamat dapat diwujudkan melalui *pengawasan rapi* oleh pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Rukun Tetangga dan polis dalam usaha memastikan kawasan tersebut bebas daripada kes jenayah seperti kecurian, rompakan, dan ragut. Kita perlulah berganding bahu untuk membanteras jenayah yang semakin membarah di Malaysia sebelum nasi menjadi bubur.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Mengatasi Kegiatan Jenayah dalam Kalangan Remaja'
apsec.upm.edu.my, 14 Julai 2022

Bahan 3

PENCEGAHAN JENAYAH REMAJA DI SEKOLAH



*** Berita menunjukkan trend membimbangkan mengenai pelibatan remaja dalam aktiviti jenayah masa kini ***



Mewujudkan Kelab Antijenayah di sekolah untuk membendung pengaruh negatif dan gejala sosial



Memantapkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan untuk membentuk sahsiah yang murni

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan maksud rangkai kata *pengawalan rapi*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1**, **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan langkah-langkah untuk menangani jenayah dalam kalangan remaja. [4 markah]
- (iii) Pengaruh rakan sebaya sering dianggap sebagai punca utama jenayah dalam kalangan remaja. Pada pendapat anda, selain punca tersebut, apakah punca-punca lain berlakunya masalah ini? [3 markah]
- (iv) Anda dalam perjalanan pulang ke rumah selepas menghadiri aktiviti kokurikulum di sekolah. Tiba-tiba, anda ternampak beberapa orang budak lelaki sedang memanjat dan masuk ke dalam pagar rumah jiran anda. Pada waktu itu, jiran anda tiada di rumah kerana mereka pulang ke kampung. Sebagai seorang jiran yang bertanggungjawab, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan? [4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

DI SEBALIK LANGKAH BERBEZA

Pada tubuh yang tampak tidak sempurna
Tuhan menyisipkan rahsia kekuatan
walau langkah mungkin perlahan
namun mereka punya harapan
punya impian untuk digenggam.

Ada mata yang gagal menatap warna langit
tetapi berikan mereka panduan
ada telinga yang bisu daripada suara dunia
namun titipkan bisikan doa
mereka bukan meminta simpati.

Jangan kau ukur nilai manusia
pada tubuh yang tidak sempurna
kerana di sebalik kekurangan itu
tersimpan jiwa luar biasa
yang perlu dihargai
kami belajar erti syukur dan sabar
daripada senyuman mereka yang tabah
sesungguhnya mereka bukan lemah
tetapi kuat dengan cara tersendiri.

Alisa Mikayla

Antologi Puisi: Apologi kepada Alam, 2007



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

Bahan 2

Pungut mengeluarkan suara yang Mak Timah kenal betul. Itu tandanya Pungut sedang lapar. Mak Timah merenung Pungut lama-lama. Semasa dia mengambil Pungut, dia tidak menyangka yang Pungut tidak akan besar-besar seperti sekarang ini. Mak Timah tidak menyangka yang Pungut akan bisu dan pekak. Mak Timah tidak tergambar atau terfikir yang Pungut akan secacat ini. Pendeknya Pungut cacat segala-galanya. Harapan Mak Timah, Pungut akan besar seperti manusia lain, seperti gadis-gadis lain. Sangkaan Mak Timah, Pungut akan membesar seperti gadis-gadis lain kerana Mak Timah pernah melihat anak orang yang lahirnya kecil, tidak cukup bulan dan sebagainya, tetapi boleh membesar seperti manusia biasa. Harapan Mak Timah supaya Pungut besar dan bekerja untuk membantunya, menjaganya apabila dia telah tua, hampa. Sebaliknya Mak Timah yang menjaga Pungut.

Pungut bangun, dia berjalan sambil mengeluarkan suara menandakan dia sedang lapar. Kepalanya digeleng-gelengkan, ke kiri dan ke kanan dengan amat pantas dan cepat.

Dipetik daripada cerpen *Pungut Alias Zahara Alias Yap Siew Hong*
oleh Mohamed Latiff Mohamed,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, apakah perkara yang tidak pernah disangka oleh Mak Timah tentang keadaan Pungut? [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan harapan yang diimpikan oleh penyajak dan Mak Timah. [3 markah]
- (iii) Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ialah murid yang disahkan oleh pakar perubatan sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan tertentu termasuklah dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal dan masalah pembelajaran.
- Pada pendapat anda, apakah bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh pihak sekolah kepada murid-murid tersebut? [3 markah]
- (iv) Adik anda menghadapi masalah pembelajaran. Kadang-kadang dia mudah putus asa apabila tidak memahami pelajaran di sekolah. Dia juga berasa rendah diri apabila melihat rakan-rakannya dapat menyiapkan kerja sekolah dengan cepat. Anda sedar bahawa adik memerlukan sokongan tambahan, dorongan, dan bimbingan agar dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran dan membina keyakinan diri.

Sebagai seorang kakak, bagaimanakah anda dapat membantu adik anda untuk mengatasi masalahnya tersebut? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pagi tadi dia okey ke?” soal Aqram lagi. Nafasnya semakin laju, dicengkam rasa cemas.

Saat itu baru Shida teringat kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya. Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa. Dia hanya duduk diam di dalam kereta. Shida tidak tahu sama ada dia jaga atau terlena kerana dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar, sesuatu yang jarang dilakukannya. Bibirnya kelihatan pucat tetapi Shida tidak berani hendak menegur.

“Farisha tidak ceria pagi tadi. Tapi saya tak tahu sebabnya.” Shida merenung mata Aqram. Baru dia perasan betapa sempurna penampilan lelaki itu. Daripada rambut, kulit, gigi, pakaian, dan haruman semuanya menampilkan cita rasa yang tinggi dan kelihatan sempurna. Benarlah kata-kata Farisha, ini lelaki paling sempurna yang pernah dia jumpa.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*
karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan keanehan-keanehan tingkah laku Farisha.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam tindakan dapat menyelesaikan pelbagai masalah bagi setiap novel.

[6 markah]

9

BAHAGIAN C: RUMUSAN
[30 markah]

Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan. Kemudian, buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal setiap bahan.

Bahan 1

Pelancongan kesihatan merujuk aktiviti melancong ke destinasi tertentu untuk mendapatkan rawatan perubatan, terapi pemulihan atau perkhidmatan kesihatan. Industri ini semakin berkembang di seluruh dunia, termasuk di Malaysia kerana masyarakat kini semakin menitikberatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa bidang pelancongan kesihatan banyak mendatangkan manfaat kepada negara. Namun begitu, hakikatnya pelancongan ini masih lagi berhadapan dengan masalah yang besar, iaitu kekurangan tenaga pakar serta kemudahan kesihatan yang tidak mencukupi.

Kemasukan pelancong yang mendapatkan rawatan seperti pembedahan kosmetik, kardiologi dan kesuburan ternyata telah menyumbang dan menjana pendapatan negara. Menurut laporan *Malaysia Health Travel Council* (MHTC), negara ini mencatatkan lebih daripada RM1 bilion hasil daripada sektor ini pada tahun 2023 walaupun menghadapi persaingan yang sengit terutamanya dari negara jiran seperti Thailand dan Singapura. Kehadiran pelancong luar untuk mendapatkan rawatan perubatan berkualiti tinggi jelas menyumbang kepada pertumbuhan industri kesihatan dan pelancongan. Mereka bukan sahaja membayar kos rawatan, malah membelanjakan wang untuk penginapan, makanan dan aktiviti pelancongan yang mampu merancakkan ekonomi setempat. Secara tidak langsung, pelancongan kesihatan dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.

Industri pelancongan kesihatan berperanan besar untuk mempromosikan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa. Apabila pelancong luar negara menerima layanan yang baik dan rawatan yang berkualiti, mereka akan mempromosikan Malaysia melalui testimoni dan media sosial. Sebagaimana yang berlaku di Thailand, negara tersebut berjaya menjenamakan Bangkok sebagai “Pusat Rawatan Estetik Asia” melalui promosi dalam media sosial dan kerjasama dengan selebriti antarabangsa. Namun begitu, Malaysia masih lagi bergantung pada promosi konvensional seperti pameran dan brosur yang kurang menarik perhatian pelancong. Perkara ini perlulah diatasi kerana pelancongan kesihatan dapat menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pelancong akan dapat menjaga kesihatan fizikal dan mental dengan adanya pusat rawatan kesihatan, spa terapeutik dan program pemulihan yang terdapat di negara ini. Strategi serampang dua mata ini diharapkan dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang cakna terhadap kesihatan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Perkukuh Kedudukan Malaysia dalam Pelancongan’
www.bernama.com

Bahan 2**SERTAI TELEGRAM @exercise_students****Kembali Mencari Rawatan**

Di bumi yang menjanjikan rawatan
datang manusia mencari harapan
namun di celah haruman pembangunan
terselit halangan yang perlu ditentang
isu etika dan caj rawatan jadi bualan
teknologi dijual tanpa perikemanusiaan.

Pelancong luar jadi keutamaan
warga tempatan merintih kesakitan
penyakit merebak tanpa amaran
menutup pintu pelawat, memadam harapan.

Sektor yang dahulu cerah dan gemilang
rebah seketika dalam kekangan
namun cabaran bukan pengakhiran
hanya ujian menuju kemajuan
pelancongan kesihatan terus diperjuang
demi kesejahteraan, demi masa hadapan.

Ana Amin
Kota Damai
Gombak

Bahan 3

- Azam : Sektor pelancongan di negara kita semakin berkembang maju.
Munir : Betul, tu. Pelancong asing yang datang ke negara kita bukan sahaja melancong ke tempat-tempat yang menarik di negara kita malah ada antara mereka melancong sambil mendapatkan rawatan. Sebenarnya, kemasukan pesakit dari luar negara ini dapat menaik taraf kemudahan teknologi dalam bidang kesihatan seperti penggunaan robotik pembedahan dan mesin MRI terkini untuk diagnosis yang lebih tepat dan pantas.
- Azam : Saya setuju. Pelancongan kesihatan juga mampu merangsang inovasi dan penyelidikan dalam bidang perubatan. Contohnya, salah sebuah hospital swasta, iaitu Sunway Medical Centre giat menjalankan penyelidikan berkaitan terapi stem untuk merawat penyakit kronik seperti leukemia, limfoma, penyakit Parkinson, strok dan kegagalan jantung.
- Munir : Untuk merealisasikannya, kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi.
Azam : Itulah harga yang perlu dibayar demi usaha untuk mempopularkan negara kita sebagai sebuah pusat pelancongan kesihatan di mata dunia.